

HASiL/2026/05/05 - 28

PERKHIDMATAN e-RAYUAN PUNGUTAN CUKAI PEGANGAN
KINI DI PORTAL MYTAX

CYBERJAYA, 5 MEI 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan **e-Rayuan Pungutan Cukai Pegangan** kini boleh diakses secara dalam talian melalui portal MyTax dengan mengikuti panduan mudah yang berikut:

- a. Layari portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- b. Klik **Menu Daftar Masuk > Pilih Peranan Individu / Pengarah / Wakil Pengarah > Perkhidmatan ezHasil > eRayuan > e-Rayuan Pungutan > Cukai Pegangan (WHT)**; atau
- c. Rujuk **Manual Pengguna e-Rayuan Pungutan** dengan log masuk ke dalam Portal MyTax.

Melalui inisiatif ini, pembayar cukai boleh mengemukakan rayuan, permohonan serta pertanyaan dengan lebih mudah dan pantas berbanding kaedah sebelum ini yang dikendalikan melalui Borang Maklum Balas Pelanggan.

Perkhidmatan ini merangkumi pelbagai urusan termasuk permohonan pelarasan bayaran, hapus kenaikan, pengecualian (waiver), bayaran balik serta pengemukaan pertanyaan berkaitan cukai pegangan. Selain itu, pembayar cukai juga boleh membuat

Ms | 1

semakan status permohonan pada bila-bila masa, sekali gus memberikan pengalaman yang lebih telus dan mesra pelanggan.

Dari segi akses, pembayar cukai boleh mengemukakan permohonan rayuan atau pertanyaan melalui peranan individu, manakala pengarah syarikat pula boleh berbuat demikian melalui peranan pengarah atau melantik wakil pengarah bagi tujuan tersebut.

Langkah ini mencerminkan komitmen HASiL dalam memperluas perkhidmatan secara dalam talian, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada proses manual serta meningkatkan kecekapan penyampaian.

Selaras dengan agenda pendigitalan perkhidmatan awam, HASiL terus komited menyediakan perkhidmatan percukaian yang cekap, mudah diakses dan berorientasikan pelanggan bagi menyokong pematuhan cukai yang lebih baik dalam kalangan masyarakat.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 5 Mei 2026